

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXV)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU BETONG
YB. HAJI MOHD TUAH BIN ISMAIL**

2. Berapakah jumlah koperasi yang sedia ada di Pulau Pinang? Mohon pecahan mengikut daerah.
 - (a) Apakah langkah yang dirancang untuk membantu dan meningkatkan jumlahnya?

**YB. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI HUSSAIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Jumlah koperasi yang sedia ada di Pulau Pinang mengikut Daerah sehingga Mac 2020 adalah seperti berikut :

BIL.	DAERAH	BILANGAN KOPERASI
1	Timur Laut	160
2	Barat Daya	155
3	Seberang Perai Utara	204
4	Seberang Perai Tengah	156
5	Seberang Perai Selatan	68
	JUMLAH	743

- (a) Antara langkah-langkah yang dirancang untuk meningkatkan jumlah koperasi adalah seperti berikut:
 - (i) Meningkatkan jumlah kesedaran masyarakat berkoperasi melalui pelaksanaan program pembudayaan koperasi. Sepanjang tahun 2019 sebanyak 40 program telah berjaya dilaksanakan yang merangkumi pelbagai sektor dan lapisan

masyarakat dan komuniti yang terlibat seperti komuniti masjid, pelajar sekolah dan juga IPT serta lain-lain kumpulan sasar. MMK Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi juga turut memberi tumpuan untuk menarik golongan muda dan wanita minat untuk berkoperasi melalui program-program yang dapat menarik ramai golongan ini seperti *e-sport*, spa kecantikan, kosmetik dan dandanan.

- (ii) Mengadakan kerjasama antara Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pulau Pinang untuk menjalankan beberapa siri perbincangan dan taklimat kepada pihak Jawatankuasa Masjid bagi tujuan penubuhan koperasi di setiap masjid. Ini untuk meningkatkan lagi koperasi komuniti khususnya penubuhan koperasi masjid. Hasil daripada kerjasama tersebut sejumlah besar masjid telah menubuhkan koperasi masjid dengan jumlah yang didaftarkan sebanyak 209 buah;
- (iii) Melaksanakan pengukuhan gerakan koperasi yang berteraskan komuniti (*Community Based*). Melalui kerjasama SKM Negeri Pulau Pinang dengan Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi serta Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang, koperasi diperkasakan/diperkuuhkan lagi tadbir urus dan perniagaannya dan salah satu bentuk kerangka kerjasama yang dibuat adalah melalui perlaksanaan Pasar COOP. Pasar Coop merupakan salah satu platform perniagaan yang membolehkan pengguna/komuniti setempat mendapatkan bekalan barang keperluan dengan harga yang berpatutan yang dijual oleh sektor koperasi;
- (iv) Memperkenalkan belian secara digital iaitu tanpa tunai (*e-wallet*) dan latihan-latihan pembangunan digital kepada semua ahli koperasi; dan

- (v) SKM Pulau Pinang melalui pejabat dan Pegawai Wilayah sentiasa melaksanakan pemantauan dan langkah turun padang dengan berjumpa dengan komuniti kampung, perumahan, persatuan, surau dan sebagainya bagi tujuan memberi penerangan akan kepentingan berkoperasi. Melalui usaha tersebut, rekod yang dicatatkan oleh SKM Pulau Pinang bagi tahun 2019 menunjukkan sebanyak 21 buah koperasi baharu telah berjaya didaftarkan yang merangkumi hampir kesemua kumpulan sasar.